

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka

¹ Zainudin Sharif & ²Norazmah Mohamad Roslan

¹ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (Melaka)

²Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh yang terletak di negeri Melaka. Seramai 86 orang pelajar dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik sebagai instrumen kajian yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A mengenai demografi responden dan Bahagian B mengenai respon responden terhadap aspek persoalan kajian. Terdapat empat persoalan kajian yang diutarakan dalam kajian ini iaitu faktor diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan permasalahan persekitaran sekolah. Darjah kebolehppercayaan (alfa cronbach) bagi setiap persoalan kajian adalah 0.8536 bagi aspek faktor diri sendiri, 0.7967 bagi aspek latar belakang keluarga, 0.7488 bagi aspek pengaruh rakan sebaya dan 0.6835 bagi aspek permasalahan persekitaran sekolah. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Science, Version 11.5) dan dinyatakan dalam bentuk kekerapan serta peratusan. Dapatan kajian menunjukkan faktor diri sendiri paling mempengaruhi responden terlibat dalam masalah sosial berbanding pengaruh rakan sebaya dan permasalahan persekitaran sekolah. Walau bagaimanapun, analisis mendapati latar belakang keluarga bukan faktor penting responden terlibat dalam masalah sosial. Akhir sekali, beberapa implikasi kajian terhadap faktor penglibatan remaja didalam masalah sosial dicadangkan dan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan juga turut dikemukakan.

Kata kunci : Faktor masalah sosial, diri sendiri, persekitaran sekolah, rakan sebaya

Abstract: The purpose of the study is to identify the factors influencing adolescent involved in social problem at Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh in Malacca. A total of 86 students were chosen as the sample of this study. A set of questionnaire was used as an instrument. It consists of two sections. Section A is about the demography of the respondents and Section B is about the response of respondents on research questions. This research questions in this study is based on the factor of self, family background, influence of friends and problem of school environment. The alpha cronbach for factor of self is a 0.853, 0.796 for aspect of family background, 0.748 for influence of friends and 0.683 for problem of school environment. Data collected was processed using Statistics Package for Social Science (SPSS version 11.5 for window) and were analyzed based on frequencies and percentages. The outcome of the study shows that factors of self had the highest influence on respondent's involvement in social problem than influence of friends and school environment. However, the findings indicated family background is not an important factor influencing respondent's involvement in social problem. Finally, the implications of the study were discussed and some recommendations for further studies were also forwarded.

Keywords : Social problem factors, self, school environment, friends

1.0 PENGENALAN

Jika dulu, golongan remaja yang terlibat dalam kes-kes jenayah yang serius hanyalah kecil bilangannya, tetapi kini angka itu semakin meningkat dengan mendadak sekali bukan sahaja membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah, tetapi ia turut memberi

kesan terhadap masyarakat dan kredibiliti sekolah yang berperanan dalam pembentukan moral dan tingkah laku generasi muda.

Pelbagai tafsiran atau label yang boleh diberikan kepada remaja-remaja yang terlibat dalam gejala sosial. Menurut Azizi dan Rosnah (2007), mereka yang melanggar norma masyarakat setempat ini dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian. Azizi dan Rosnah juga menjelaskan, mereka yang bertingkah laku devian ini akan dikenali sebagai delinkuen apabila mereka masih bersekolah atau remaja. Apa yang jelas, delinkuen ini adalah tingkah laku yang melanggar peraturan dan undang-undang atau berkelakuan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat. Sementara itu, menurut Haslina (2000) pula, delinkuen dan tindakan ganas oleh para remaja merupakan perlakuan yang diwarisi oleh para remaja yang lebih muda daripada remaja lelaki yang lebih tua aktiviti-aktiviti mereka tertumpu di beberapa kawasan luar sekolah.

Masalah sosial adalah sesuatu yang merangkumi pelbagai tingkah laku negatif di dalam anggota masyarakat yang tidak memberikan faedah kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat, komuniti ataupun negara. Banyak faktor yang mendorong remaja pada masa kini terlibat dalam gejala sosial yang kurang sihat ini. Menurut Abd. Rahim (2006), penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya. Zainal dan Sharani (2004) pula menyatakan pengaruh persekitaran di sekolah juga menjadi punca keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Gejala sosial merupakan fenomena modenisasi dan kejutan budaya yang melanda golongan remaja dan belia. Pada zaman remaja, seseorang itu berdepan dengan satu siri krisis identiti iaitu pembentukan dan pengembangan identiti diri. Kegagalan untuk mengatasi cabaran itu membuatkan remaja mengalami krisis kekeliruan. Krisis kekeliruan yang menguasai diri remaja jika tidak dibendung dan di atasi boleh menyebabkan gejala sosial yang sememangnya parah akan bertambah parah. Fenomena ini merupakan salah satu daripada ancaman kepada sumber tenaga manusia boleh merugikan negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu, segala masalah sosial yang dihadapi oleh para remaja harus dibendung dan diatasi supaya ia tidak terus mewujudkan ancaman besar terhadap pembangunan dan kemajuan negara.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Pada masa kini, tingkah laku golongan pelajar dan remaja khususnya semakin mencabar dengan pelbagai masalah di dalam negara. Gambaran keruntuhan moral di kalangan ahli masyarakat khususnya pelajar-pelajar sekolah, muda-mudi hari ini di semua peringkat digambarkan menerusi perlakuan seks bebas, kehamilan luar nikah, pembuangan bayi, kesalahan juvana, penagihan dadah, pembakaran sekolah dan sebagainya semakin meningkat.

kadar penglibatan remaja dalam masalah sosial juga boleh dilihat pada Laporan Kajian Tingkahlaku Remaja Johor yang telah dijalankan oleh Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (2000). Kajian yang dijalankan oleh pihak Universiti Malaya ini meliputi empat jenis tingkahlaku delinkuen iaitu keganasan, salah laku

seksual, penyalahgunaan dadah dan lepak. Dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak 32.9% remaja terlibat dengan keganasan, sebanyak 39.8% remaja pula terlibat dengan salahlaku seksual dan remaja yang terlibat dengan salahguna dadah pula ialah sebanyak 34.2%. remaja yang terlibat dengan lepak pula adalah sebanyak 49.9%. Kajian yang telah dijalankan oleh pihak Universiti Malaya ini menunjukkan penglibatan remaja dalam masalah sosial semakin serius dan sudah tentunya ianya amat membimbangkan semua pihak.

Kadar penglibatan remaja dalam masalah sosial yang semakin serius ini semuanya berpunca dari beberapa faktor dalaman dan luaran, antaranya ialah diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan juga persekitaran sekolah. Daripada butiran mengenai tingkah laku-tingkah laku remaja dan faktor-faktor penglibatan mereka dalam masalah sosial yang telah dinyatakan, jelas menunjukkan gejala sosial bukanlah suatu penyakit yang biasa, tetapi ia sudah menjadi kudis yang semakin bernanah dalam masyarakat. Jika tidak ditangani dengan segera, gejala sosial ini akan menjadi semakin sukar untuk diubati. Semua pihak haruslah bekerjasama untuk mengatasi gejala sosial ini. Ibu bapa khususnya memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan masa depan anak-anak mereka supaya menjadi remaja dan belia yang menyumbang kepada kemajuan negara.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Menurut Abd. Rahim (2006), golongan remaja menyesuaikan dirinya dengan faktor-faktor persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya yang akan mencorakkan perkembangan tingkah laku mereka. Memandangkan remaja merupakan aset kekayaan semulajadi negara dan bakal memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa depan politik, ekonomi dan kemasyarakatan di negara kita, maka penyelidik merasakan kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial perlu dibuat dan dilaksanakan.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji empat faktor yang dirasakan menjadi penyebab utama kepada berlakunya masalah sosial di kalangan remaja. Faktor-faktor yang dikaji termasuklah faktor latar belakang diri sendiri, faktor latar belakang keluarga, bentuk pengaruh rakan sebaya dan juga permasalahan persekitaran dari sekolah.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengenalpasti faktor latar belakang diri sendiri remaja yang terlibat dengan masalah sosial.
2. Mengenalpasti faktor latar belakang keluarga remaja yang terlibat dalam masalah sosial.

5.0 SOROTAN KAJIAN

1. Faktor-Faktor Remaja Terlibat Dengan Masalah Sosial

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan, masalah-masalah sosial seperti mencuri, menyamun, bergaduh, lari dari rumah, perlakuan seks bebas, kehamilan luar nikah, pembuangan bayi dan sebagainya yang membabitkan remaja jelas menunjukkan kadar peningkatan yang semakin membimbangkan. Peningkatan yang semakin membimbangkan ini disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor-faktor tersebut ialah faktor latar belakang diri sendiri, faktor latar belakang keluarga, faktor pengaruh rakan sebaya dan juga faktor permasalahan persekitaran sekolah.

2. Faktor Latar Belakang Diri Sendiri

Terdapat pelbagai definisi tentang remaja mengikut perkembangan masyarakat dan mengikut beberapa sudut pandangan. Dari sudut fisiologi, Douvan dan Gold (1996) menyatakan bahawa zaman remaja bermula apabila organ-organ peranakan dan ciri-ciri jantina sekunder mula berubah di zaman akhir kanak-kanak. Manakala menurut Zainal dan Sharani (2004), zaman remaja adalah masa berlakunya proses adaptasi dalam masyarakat apabila mencapai akil baligh atau cukup umur. Sementara itu, Rogers (1962) pula menyatakan, remaja adalah tahap perkembangan fizikal dan sosiologi mengikut umur kronologi seperti berikut :

- i. 11-15 tahun : keadaan fizikal berubah.
- ii. 15-17 tahun : remaja mengutamakan identiti diri.
- iii. 17 tahun ke atas : remaja berlatih memainkan peranan sebagai orang dewasa.

Dari sudut kognitif pula, Suzana (2002) mendefinisikan remaja adalah individu yang berkebolehan untuk menggunakan simbol-simbol, abstraksi dan strategi-strategi penyelesaian masalah dalam pemikiran. Definisi ini disokong oleh ramai ahli psikologi, misalnya Piaget (1972) dan Elkind (1967).

Manakala dari sudut psikologi pula, Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan perlakuan remaja digambarkan sebagai perlakuan emosi. Perasaan kadang kala lebih berpengaruh daripada fikiran. Arieff dan Wardah juga menjelaskan suka duka kehidupan akan membentuk kerangka perlakuan remaja itu sendiri.

Perubahan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa merupakan masa yang mengelirukan remaja kerana golongan remaja ini akan melalui peringkat perubahan diri yang kritikal dari segi mental dan fizikal. Pelbagai fenomena ganjil menghujani mental dan fizikal mereka dan golongan remaja yang menghadapi tekanan ini akan melakukan tindakan-tindakan di luar kawalan. Menurut Azizi dan Rosnah (2007), fenomena ini mungkin berlaku disebabkan remaja yang terlibat ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, ingin membalas dendam dan sebagainya.

Selain itu, kurangnya penghayatan akhlak dalam diri remaja juga boleh mendorong remaja terlibat dalam masalah sosial. Menurut Najati (1993), keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat boleh menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu. Malek Bennabi (1998) pula menyatakan, keruntuhan nilai akhlak turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat.

Para pengkaji kemasyarakatan Barat juga menyedari kelemahan dalam sesebuah masyarakat dan pentingnya proses-proses pemantapan akhlak terutama sekali melalui agama (Mohd Sulaiman Yasin, 1992).

Selain daripada faktor keruntuhan akhlak, kajian yang dilakukan oleh Maura O'Kette (1995), menunjukkan pelaku-pelaku masalah sosial terdiri daripada individu yang mempunyai masalah dan kekurangan dari segi personaliti, sosiologikal dan psikologikal. Faktor psikologi adalah seperti kekecewaan hidup dan keterlepasan kawalan kuasa *id*. *Id* adalah dorongan biologi dan tenaga naluri yang mendorong manusia bertindak bagi mendapat kepuasan tanpa mengira akibat (Zainal dan Sharani, 2006). Menurut Zainal dan Sharani lagi, bagi remaja atau mangsa penderaan, ia meninggalkan kesan psikologi, interpersonal serta sukar bersosial dalam masyarakat dan kehidupan masa depan. Penderaan yang dialami akan menyebabkan mangsa mengalami mimpi ngeri, fobia, kemurungan dan kebimbangan seterusnya berlakunya tingkah laku antisosial seperti lari dari rumah, ponteng sekolah, rasa bersalah, malu dan rasa rendah diri yang menjerumus kepada kelakuan mengasingkan diri.

3. Faktor Latar Belakang Keluarga

Keluarga merupakan antara pengaruh utama dalam kehidupan seseorang remaja. Kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak akan menjejaskan masa depan mereka yang boleh menyebabkan mereka terlibat dengan gejala-gejala sosial dan tidak mampu untuk membentuk diri mereka menjadi orang yang berguna dan berwawasan (Rohayati, 2004).

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, gejala sosial banyak berlaku dikalangan remaja yang kurang berada. Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan antara latar belakang keluarga yang menjadi faktor remaja bertingkah laku devian adalah disebabkan pendapatan ibu bapa yang rendah dan anak membesar dalam keadaan terbiar. Kajian Noor Adiah (1998) dan Norhayati (1994) juga mendapati masalah sosial ada kaitan dengan pendapatan keluarga. Di negara barat, Mannes, et al. (2005) melaporkan bahawa remaja yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah adalah dua kali ganda lebih cenderung untuk bertingkah laku negatif berbanding remaja lain.

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Hamidah, et al. (2006) menunjukkan, faktor ekonomi iaitu tidak berkeupayaan berbelanja mewah dan pendapatan cepat habis merupakan faktor utama berlakunya penceraian di antara ibu bapa. Pertambahan ibu tunggal atau bapa tunggal bukan sahaja akan mencetuskan masalah keluarga tetapi juga akan menyebabkan timbulnya masalah juvana (Coleman dan Cressey, 1993). Menurut Calhoun, et al. (1993) remaja daripada rumahtangga yang retak atau ibu tunggal lebih mudah terbabit dalam tingkah laku delinkuen berbanding dengan remaja yang datang daripada keluarga yang normal. Norhayati (1994) dalam kajiannya juga mendapati semua pelajar daripada keluarga bercerai mempunyai masalah peribadi yang membawa kepada tingkah laku negatif. Rata-rata remaja yang bermasalah datang daripada keluarga yang tidak bahagia dan kucar-kacir. Menurut Hamidah, et al. (2006), ramai anak-anak dari keluarga tunggal mempunyai masalah tingkah laku dan emosi akibat kurangnya pengawasan. Masa yang dihabiskan untuk bersama anak-anak semakin berkurangan kerana ibu atau bapa tunggal perlu bekerja lebih masa untuk menyara keluarga. Akibatnya

remaja dari keluarga tunggal ini akan menghabiskan banyak masa mereka di luar rumah dan sering terdedah kepada pengaruh negatif rakan-rakan mereka.

Selain itu, menurut Mahmood Nazar Muhammad (1993), tingkah laku negatif di kalangan remaja juga disebabkan oleh konflik dan tekanan psikologikal. Mereka gagal melihat keluarga adalah satu persekitaran yang sihat dan boleh memberikan kebahagiaan kepada mereka. Kajian Montemayor dan Hanson (1985), menunjukkan punca konflik antara remaja dengan ibu bapa berkaitan dengan dengan isu interpersonal. Kekurangan dan gangguan interaksi yang berkesan akan menyebabkan jiwa remaja memberontak dan boleh mendorong mereka bertingka-laku devian. Barnes dan Olson (1985) mendapati komunikasi yang baik antara ibu bapa dan remaja akan menyebabkan hubungan keluarga semakin rapat, wujud kasih sayang dan proses penyelesaian masalah akan berlaku dengan mudah. Sementara itu, kajian Jackson, et al. (1998) menunjukkan komunikasi keluarga yang berkesan akan menyebabkan kurangnya berlaku percanggahan di antara ibu bapa dan anak. Kajian Jackson, et al. juga menunjukkan komunikasi yang tidak berkesan akan mendatangkan kesan yang negatif terhadap keluarga dan tingkah laku anak-anak.

Hubungan komunikasi yang tidak baik boleh disebabkan faktor ibu bapa yang jarang berada di rumah. Masa yang diluahkan untuk anak-anak agak terhad dan terbatas. Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan ibu bapa yang sibuk dengan kerja boleh menyebabkan hubungan antara anak dengan ibu bapa renggang. Apabila anak-anak pulang dari sekolah, ibu bapa tiada di rumah. Oleh itu, remaja lebih suka menghabiskan masa bersama rakan-rakan sebelum pulang ke rumah. Masa yang banyak dihabiskan bersama rakan-rakan boleh mendorong mereka untuk melakukan perkara-perkara yang mengundang kepada kemerosotan akhlak.

6.0 TEORI BERKAITAN

1. Teori Biososial

Teori ini merupakan teori yang paling tua dalam menerangkan perkembangan remaja. Zaman remaja selalunya dikaitkan dengan perubahan pada fizikal dan kematangan serta perubahan-perubahan biokimia, oleh yang demikian, ramai ahli psikologi yang berpegang kepada teori ini dengan mengatakan bahawa tingkah laku sosial remaja boleh diramal dari proses-proses fizikal. Pendekatan ini menekankan bahawa proses-proses biologi adalah penyebab atau faktor yang menggerakkan perubahan-perubahan tingka-laku sosial di zaman remaja (Suzana, 2002).

Hall (1904), telah memperkenalkan konsep storm and stress yang melihat zaman remaja sebagai tempoh masa yang penuh huru-hara, penuh cabaran, pemberontakan terhadap autoriti orang dewasa dan perubahan fizikal, intelektual dan sosial. Menurut Hall lagi, perkembangan dilihat sebagai tidak berubah dan universal dan kesannya terhadap persekitaran adalah minima. Sesetengah tingkah laku buruk remaja seperti suka bertengkar, mencuri dan sebagainya itu tidak dapat dielakkan kerana ia telah berakar umbi dalam diri manusia.

Hall berpendapat bahawa ibu bapa mestilah berlembut dan bersifat permissif kerana kanak-kanak biasanya bersifat agresif. Mereka berkelakuan begitu sebagai satu langkah untuk

melegakan emosi mereka dan apabila mereka dewasa, semua tingkah laku itu akan hilang begitu sahaja.

2. Teori Sosial Kognitif

Mengikut teori sosial-kognitif, terdapat dua kesimpulan umum. Kesimpulan yang pertama menjelaskan setakat mana seseorang itu percaya yang ia dapat mempengaruhi dunia berhubung kait dengan pengalaman kejayaan-kejayaan lepas dalam mengatasi atau melaksanakan perkara tertentu. Teknik-teknik tingkah laku seperti peneguhan apabila berjaya melakukan kerja, latihan dan galakan, memerhati kejayaan orang lain merupakan teknik-teknik yang baik dalam usaha mengubah tingkah laku remaja. Membantu remaja dalam memperkembangkan satu harapan yang boleh diperolehi atau dicapai juga adalah satu cara untuk mengubah tingkah laku. Kedua, perbezaan individu dalam kebolehan mengambil peranan boleh mempengaruhi tingkahlaku sosial (Suzana, 2002).

3. Teori Konteks Perkembangan

Teori ini diperkenalkan oleh Richard Lerner (1978). Menurut Richard Lerner, kajian tentang perkembangan remaja harus dilihat dalam konteks biologi, sosial dan sejarah yang lebih luas. Teori ini menitikberatkan permindahan remaja dari pra-remaja hingalah ke zaman awal dewasa dalam konteks persekitaran sosial, ekonomi, politik dan budaya yang lebih luas. Selain itu, teori ini melihat tingkah laku dan perkembangan remaja dalam konteks keluarga, sekolah dan rakan sebaya yang berkaitan di antara satu sama lain dalam struktur sosial.

Untuk memahami tingkahlaku remaja, kita haruslah mengenalpasti dan memahami faktor-faktor risiko dan kawalan sekurang-kurangnya lima jenis pembolehubah iaitu biologi atau genetik, persekitaran sosial, persekitaran yang dipersepsikan, personaliti dan tingkahlaku (Suzana, 2002).

Menurut Suzana lagi, faktor risiko biologi termasuklah sejarah penyakit mental dalam keluarga, alkoholisme dan penyakit-penyakit yang ditentukan oleh genetik. Faktor kawalan termasuklah kecerdasan keluarga yang tinggi, kadar kematangan atau ciri-ciri tubuh badan yang baik. Faktor risiko persekitaran sosial termasuklah kemiskinan dan ketidakadilan bangsa. Faktor kawalan wujud dari pendidikan yang berkualiti atau hubungan keluarga yang rapat. Faktor risiko persekitaran yang dipersepsikan pula ialah meniru tingkahlaku penyimpangan sosial. Faktor kawalannya ialah kawalan ketat keatas penyimpangan atau tingkah laku devian. Ciri-ciri yang personaliti yang boleh mencipta risiko ialah kecekapan sendiri yang rendah atau jangkauan berjaya yang rendah. Faktor kawalan berpunca dari nilai-nilai untuk berjaya atau tidak tolak ansur terhadap penyimpangan. Risiko tingkahlaku pula ialah tingkah laku-tingkah laku bermasalah seperti ketagihan arak, dadah, gagal dalam pelajaran dengan faktor kawalan terdiri dari tingkah laku konvensional seperti bersembahyang dan tekun belajar.

4. Teori Kognitif Perkembangan

Menurut teori ini, kanak-kanak dan remaja adalah individu yang berupaya mengawal sendiri dan tingkah laku dikawal oleh peraturan konseptual. Satu norma tentang saling menghormati antara manusia menjadi petunjuk kepada kerjasama sosial dan tingkah laku moral. Tingkah laku moral pula mencerminkan cara individu memberi sebab kepada tingkah laku mereka. Manakala karakter moral pula terbentuk dari prinsip-prinsip penilaian dalaman. Oleh itu, peraturan moral mencerminkan kepercayaan yang setiap individu mesti ada saling bergantung atau rasa saling timbal balik antara diri dengan orang lain. Teori ini menekankan soal motif atau niat (Suzana, 2002).

Menurut Kohlberg (1969), perkembangan kognitif dan pendedahan kepada pengalaman sosio-moral dapat membantu menentukan kadar pencapaian perkembangan moral. Perolehan tahap kognitif yang tinggi adalah satu syarat bagi perkembangan moral. Pengalaman peribadi yang melibatkan tanggungjawab moral, pengambilan peranan, pembuatan keputusan yang menyentuh soal moral dan komunikasi interpersonal yang menyuburkan penaklukan moral yang tinggi.

7.0 METOD

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif iaitu menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan maklumat. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi remaja yang ditempatkan di sekolah pemulihan akhlak yang terletak di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka terlibat dalam gejala sosial dalam empat aspek iaitu faktor latar belakang diri sendiri, faktor latar belakang keluarga, bentuk pengaruh rakan sebaya dan juga permasalahan persekitaran sekolah.

Dapatan kajian ini diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden. Manakala maklumat yang diterima akan dianalisis secara kuantitatif. Data jenis kuantitatif adalah berdasarkan kategori kuantiti yang menggunakan kekerapan, angka dan skor. Ini adalah kerana data jenis kuantitatif sesuai bagi penyelidikan yang menggunakan instrumen soal selidik dan ujian untuk mendapatkan maklumat kajian (Mohamad Najib, 1999).

2. Skop kajian

Skop kajian ini hanya fokus kepada faktor-faktor yang mendorong remaja di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka terlibat dengan masalah sosial mengikut empat faktor iaitu faktor diri sendiri, faktor latar belakang keluarga, faktor pengaruh rakan sebaya dan faktor permasalahan persekitaran sekolah.

3. Populasi dan sampel kajian

Populasi dalam kajian ini merupakan jumlah remaja yang terdapat di sekolah pemulihan akhlak iaitu Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka iaitu seramai 110 orang. Manakala jumlah sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah sebanyak 86 responden.

4. Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang merangkumi beberapa item berdasarkan objektif kajian. Soal selidik yang disediakan oleh pengkaji terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Pada bahagian A, responden dikehendaki menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan demografi responden. Skala empat mata pula digunakan pada bahagian B di mana responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan.

Bahagian A : Mengenai demografi responden seperti jantina, umur, tahap pendidikan, bilangan adik beradik, pendapatan bersih bulanan ibu bapa/penjaga, pekerjaan ibu bapa/penjaga, tahap pendidikan bapa dan tahap pendidikan ibu.

Bahagian B : Bahagian ini mempunyai 40 soalan bagi mendapatkan dan mengenal pasti objektif kajian. Pecahan item terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

1. Faktor latar belakang diri sendiri.
2. Faktor latar belakang keluarga.
3. Bentuk pengaruh rakan sebaya.
4. Permasalahan persekitaran sekolah.

Penyelidik menyediakan item-item soalan dengan menggunakan skala empat mata untuk memperoleh jawapan daripada responden. Skala empat mata ini terdiri daripada pemberat yang berlainan iaitu sangat setuju, setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Ianya diringkaskan seperti mana yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1 : Skala Tahap Persetujuan

Skor	Tahap persetujuan
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Setuju (S)
4	Sangat Setuju (SS)

5.0 KAJIAN RINTIS

Untuk memastikan kebolehpercayaan item-item soal selidik, penyelidik menggunakan kaedah kajian rintis sebelum menjalankan kajian sebenar. Selain untuk mengetahui kebolehpercayaan item-item yang dibina oleh penyelidik, kajian rintis juga merupakan kaedah biasa yang digunakan untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang terdapat pada soal selidik.

Kajian rintis dilaksanakan ke atas 20 orang sampel yang terdiri daripada populasi kajian. Kaedah ketekalan dalaman merupakan salah satu cara untuk menentukan koefisien kebolehpercayaan. Pengiraan data menggunakan kaedah ini dicadangkan oleh Kuder dan Richardson (1937). Kaedah *Alpha Cronbach* (SPSS 11.5) adalah kaedah ketekalan dalaman yang digunakan oleh penyelidik untuk mengira data bagi mendapatkan koefisien kebolehpercayaan.


Nilai Alpha bagi setiap persoalan kajian yang diperolehi dalam kajian rintis ini ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah :

Jadual 2 : Nilai Alpha bagi setiap persoalan kajian.

Bil	Persoalan kajian	Nilai Alpha
1	Apakah faktor diri sendiri remaja terlibat dengan masalah sosial.	0.8536
2	Apakah latar belakang keluarga remaja yang terlibat dalam masalah sosial.	0.7967
3	Apakah pengaruh rakan sebaya remaja yang terlibat dalam masalah sosial.	0.7488
4	Apakah permasalahan dari persekitaran sekolah remaja yang terlibat dalam masalah sosial.	0.6835
Nilai keseluruhan (n=40)		0.8815

Nilai Alpha yang diperolehi bagi setiap persoalan kajian adalah melebihi 0.6. setiap nilai Alpha yang diperolehi menunjukkan soal selidik ini boleh diterima kerana ia mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

6.0 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA



Rajah1: Carta Alir Proses Penyelidikan

Berdasarkan rajah 1 kajian yang dilaksanakan adalah berlandaskan prosedur kajian yang telah ditetapkan supaya objektif kajian dapat dicapai. Prosedur kajian dimulakan dengan perbincangan bersama penyelia mengenai masalah yang ingin dikaji. Perbincangan melibatkan perkara-perkara seperti mengenal pasti masalah, tajuk dan objektif kajian. Selain itu, perbincangan juga

melibatkan pengumpulan maklumat berkaitan masalah yang telah dibincangkan, mengenal pasti responden dan kaedah yang digunakan untuk menganalisis data.

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis dilaksanakan oleh penyelidik bagi menentukan kebolehpercayaan item soal selidik. Set soal selidik diberikan kepada responden oleh kaunselor di Sekolah Tunas Bakti. Arahan kepada responden telah disertakan bersama set borang soal selidik. Responden diberikan masa untuk menjawab borang soal selidik dan borang soal selidik yang telah lengkap diisi diserahkan semula kepada penyelidik. Seterusnya penyelidik akan mengumpulkan semua borang soal selidik untuk tujuan penyemakan dan penganalisan serta untuk mendapatkan nilai Alpha.

Nilai Alpha yang diperolehi menunjukkan item bagi setiap persoalan kajian boleh digunakan. Justeru itu, kajian sebenar dijalankan keatas pelajar-pelajar di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Penyelidik menyerahkan borang selidik kepada responden dan menerangkan cara-cara untuk menjawab. Setelah borang selesai dijawab, penyelidik membuat penganalisan data bagi mendapatkan dapatan kajian dan kesimpulan.

7.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

1. Analisis bahagian A

i. Taburan Responden Berdasarkan Umur

Jadual 3 menunjukkan taburan responden berdasarkan umur. Didapati responden yang berumur 17 tahun merupakan majoriti dalam kajian ini dengan bilangannya seramai 31 orang remaja (36%) diikuti responden yang berumur 19 tahun seramai 16 orang (18.6%) dan responden yang berumur 16 tahun pula seramai 15 orang remaja (17.4%). Manakala, responden berumur 15 tahun seramai 11 orang remaja (12.8%), responden berumur 18 tahun seramai lapan orang (9.3%) dan responden yang berumur 20 tahun adalah seramai lima orang (5.8%).

Jadual 3: Taburan Responden Berdasarkan Umur

Umur	Frekuensi	Peratusan (%)
15 tahun	11	12.8
16 tahun	15	17.4
17 tahun	31	36.0
18 tahun	8	9.3
19 tahun	16	18.6
20 tahun	5	5.8
Jumlah	86	100.0

ii. Taburan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan

Jadual 4 menunjukkan taburan responden berdasarkan tahap pendidikan. Analisis menunjukkan sebilangan besar responden dalam kajian ini terdiri daripada remaja yang mempunyai kelulusan SPM iaitu seramai 48 orang remaja (55.8%) diikuti responden yang memiliki kelulusan PMR iaitu seramai 31 orang remaja (36%) dan akhir sekali responden yang memiliki kelulusan UPSR pula seramai tujuh orang remaja (8.1%). Analisis juga menunjukkan tiada responden yang tidak memiliki kelulusan pendidikan iaitu tidak bersekolah.

Jadual 4 : Taburan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratusan (%)
Tidak bersekolah	0	0
UPSR	7	8.1
PMR	31	36.0
SPM	48	55.8
Jumlah	86	100.0

iii. Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa/Penjaga

Jadual 5 menerangkan tentang taburan responden berdasarkan pekerjaan ibu bapa/penjaga. Hasil kajian menunjukkan sebilangan besar ibu bapa/penjaga responden adalah bekerja sendiri iaitu seramai 29 orang (33.7%) diikuti bilangan ibu bapa/penjaga responden yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan iaitu seramai 28 orang (32.6%). Manakala, bilangan ibu bapa/penjaga responden yang bekerja di syarikat swasta pula adalah seramai 17 orang (19.8%) dan lain-lain kategori pekerjaan adalah seramai 12 orang (14%).

Jadual 5 : Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa/Penjaga

Kategori	Frekuensi	Peratusan (%)
Kakitangan kerajaan	28	32.6
Syarikat swasta	17	19.8
Bekerja sendiri	29	33.7
Lain-lain	12	14.0
Jumlah	86	100.0

2. Analisis Bahagian B

Untuk mengetahui maklumat mengenai faktor penglibatan pelajar di dalam masalah sosial, penyelidik membahagikan empat tahap persetujuan bagi setiap item kepada dua bahagian iaitu setuju dan tidak setuju. Bahagian setuju merangkumi mereka yang setuju (S) dan sangat setuju (SS) dengan kenyataan yang dikemukakan. Manakala, bahagian tidak setuju pula merangkumi mereka yang tidak setuju (TS) dan sangat tidak setuju (STS) dengan kenyataan yang diutarakan.

i. Faktor Latar Belakang Diri Sendiri Remaja Yang Terlibat Dengan Masalah Sosial

Analisis kajian mendapati bahawa pelajar yang terlibat dengan masalah sosial adalah pelajar-pelajar yang mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru yang tidak pernah mereka lakukan. Mereka juga sentiasa menginginkan kebebasan dalam setiap perkara yang mereka lakukan. Kedua-dua aspek ini menunjukkan peratusan yang agak tinggi kerana seramai 80.2% pelajar mengatakan setuju dengan pernyataan ini. Walau bagaimanapun, seramai 19.8% daripada mereka yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut (Lihat Jadual 6).

Jadual 6: Taburan Frekuensi dan Peratusan Bagi Faktor Latar Belakang Diri Sendiri.

Bil.	Item-item soal selidik	Jawapan							
		TIDAK SETUJU (TS)				SETUJU (S)			
		1 (STS)		2 (TS)		3 (S)		4 (SS)	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
1	Saya sering mengingkari arahan ibu bapa dan ahli keluarga.	4	4.7	19	22.0	49	57.0	14	16.3
			26.7%				73.3%		
2	Saya kurang mengamalkan ajaran-ajaran agama seperti sembahyang.	17	19.8	19	22.0	41	47.7	9	10.5
			41.8%				58.2%		
3	Saya suka bergaul dengan kumpulan yang mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat.	17	19.8	20	23.2	40	46.5	9	10.5
			43.0%				57.0%		
4	Saya sentiasa inginkan kebebasan dalam setiap perkara yang saya lakukan.	6	7.0	11	12.8	43	50.0	26	30.2
			19.8%				80.2%		

5	Saya tiada matlamat hidup dan kurang mementingkan masa hadapan.	30	34.9	35	40.7	19	22.1	2	2.3
			75.6%				24.4%		
6	Saya merasakan saya seorang yang rendah harga diri.	24	27.9	33	38.4	22	25.6	7	8.1
			66.3%				33.7%		
7	Saya selalu berada dalam gangguan emosi yang berpanjangan.	10	11.6	26	30.2	39	45.3	11	12.9
			41.8%				58.2%		
8	Saya sentiasa ingin mencuba sesuatu yang baru yang tidak pernah saya lakukan.	6	7.0	11	12.8	42	48.8	27	31.4
			19.8%				80.2%		
9	Saya sering marah dan tidak puas hati apabila sesuatu kehendak saya dihalang.	7	8.1	15	17.4	41	47.7	23	26.8
			25.5%				74.5%		
10	Saya inginkan perhatian dalam apa yang saya lakukan.	5	5.8	14	16.3	45	52.3	22	25.6
			22.1%				77.9%		

Kajian juga mendapati bahawa pelajar-pelajar terlibat dalam masalah sosial kerana merakamahkan perhatian dalam setiap perkara yang mereka lakukan. Seramai 77.9% pelajar menyatakan setuju dengan aspek ini. Terdapat juga sebilangan kecil pelajar yang tidak bersetuju dengan aspek ini iaitu seramai 22.1%.

Sementara itu, seramai 74.5% pelajar-pelajar dalam kajian ini pula menyatakan mereka sering marah dan tidak puas hati apabila sesuatu kehendak mereka dihalang. Aspek ini adalah antara sebab mereka melibatkan diri dalam masalah sosial. Walaupun begitu, seramai 25.5% pelajar pula dilihat dapat mengawal kemarahan mereka apabila kehendak mereka dihalang.

Pelajar-pelajar dalam kajian ini juga merupakan pelajar-pelajar yang kerap mengingkari arahan ibu bapa. Ini dibuktikan dengan seramai 73.3% pelajar yang terlibat dalam masalah sosial ini mengatakan setuju terhadap aspek ini. Walaupun peratusan aspek ini berada pada tahap yang sederhana, terdapat juga pelajar yang masih mematuhi arahan ibu bapa. Dapatan kajian ini dibuktikan hanya 26.7% pelajar yang tidak bersetuju bahawa mereka sering mengingkari arahan ibu bapa mereka.

Jika ditinjau dari aspek pengaruh kerohanian terhadap penglibatan pelajar dalam masalah sosial, lebih separuh pelajar dalam kajian ini kurang mengamalkan amalan-amalan agama. Mereka juga sering berada dalam gangguan emosi yang berpanjangan. Dalam kedua-dua aspek ini, jumlah pelajar yang bersetuju adalah hampir sama iaitu seramai 58.2%. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan pelajar yang ada mengamalkan amalan-amalan agama

dalam kehidupan seharian mereka dan mereka jarang berada dalam gangguan emosi iaitu seramai 41.8%.

Aspek suka bergaul dengan kumpulan yang mengamalkan cara hidup yang tidak sihat juga merupakan pengaruh terhadap penglibatan pelajar dalam masalah sosial. Dalam aspek ini, seramai 57% pelajar bersetuju dengan pernyataan tersebut. Selebihnya, iaitu seramai 43% pula kurang gemar bergaul dengan kumpulan yang mengamalkan cara hidup yang tidak sihat.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati pelajar-pelajar yang terlibat dengan masalah sosial mempunyai matlamat hidup yang agak tinggi. Mereka juga mementingkan masa hadapan. Ini dibuktikan, seramai 75.6% pelajar tidak bersetuju apabila mereka dikatakan tidak mempunyai matlamat hidup dan kurang mementingkan masa hadapan. Sebaliknya, seramai 24.4% pelajar pula tidak mempunyai matlamat hidup dan mereka kurang memikirkan masa hadapan.

Dapatan kajian juga mendapati, walaupun pelajar-pelajar dalam kajian ini terlibat dengan masalah sosial, mereka masih mempunyai harga diri yang tinggi. Ini dibuktikan, seramai 66.3% pelajar tidak bersetuju apabila mereka dikatakan seorang yang rendah harga diri. Tetapi, terdapat 33.7% pelajar yang merasakan mereka seorang yang rendah harga diri.

Sebagai rumusan, antara ciri-ciri yang menunjukkan pengaruh yang tinggi terhadap penglibatan pelajar-pelajar dalam masalah sosial adalah keinginan yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru dan menginginkan kebebasan dalam setiap perkara yang mereka lakukan. Pelajar-pelajar dalam kajian ini juga mahukan perhatian dalam setiap perkara yang dilakukan. Penglibatan mereka dalam masalah sosial juga dipengaruhi perasaan marah apabila kehendak mereka dihalang, mereka juga kerap mengingkari arahan ibu bapa, kurang mengamalkan ajaran agama dan suka bergaul dengan kumpulan yang mengamalkan cara hidup yang tidak sihat.

ii. Faktor Latar Belakang Keluarga Remaja Yang Terlibat Dalam Masalah Sosial

Jadual 7: Taburan Frekuensi dan Peratusan Bagi Faktor Latar Belakang Keluarga

Bil.	Item-item soal selidik	Jawapan							
		TIDAK SETUJU (TS)				SETUJU (S)			
		1 (STS)		2 (TS)		3 (S)		4 (SS)	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
11	Ibu bapa saya sering melakukan tabiat yang kurang baik dalam rumah seperti merokok, memaki hamun, mudah marah, berjudi dan sebagainya.	54	62.8	18	20.9	11	12.8	3	3.5
		83.7%				16.3%			
12	Ibu bapa saya kurang	28	32.6	24	27.9	24	27.9	10	11.6

	mengambil berat tentang pelajaran saya.								
			79.1%				20.9%		
13	Ibu bapa saya selalu bersikap pilih kasih terhadap adik beradik saya..	31	36.0	31	36.0	18	21	6	7.0
			60.5%				39.5%		
14	Ibu bapa saya mempunyai pendapatan yang rendah membuatkan saya jarang memperoleh apa yang saya kehendaki.	31	36.0	31	36.0	18	21	6	7.0
			72.0%				28.0%		
15	Ibu bapa saya jarang berada di rumah dan sering sibuk dengan kerja.	23	26.7	27	31.4	24	27.9	12	14.0
			58.1%				41.9%		
16	Ibu bapa saya jarang menunaikan perintah Allah seperti sembahyang lima waktu.	40	46.5	28	32.6	10	11.6	8	9.3
			79.1%				20.9%		
17	Ibu bapa saya kurang berkomunikasi dengan saya tentang keperluan dan masalah yang saya hadapi.	24	27.9	26	30.2	29	33.7	7	8.2
			58.1%				41.9%		
18	Ibu bapa saya terlalu tegas dan selalu memberi hukuman yang keras jika saya melakukan kesalahan.	30	34.9	19	22.1	25	29.0	12	14.0
			57.0%				43.0%		
19	Ibu bapa sering bertengkar antara satu sama lain dan menyebabkan suasana rumah kurang aman.	33	38.4	19	22.1	27	31.4	7	8.1
			60.5%				39.5%		
20	Ibu bapa saya jarang memberi motivasi dan sokongan serta pujian terhadap perkara yang saya lakukan.	24	27.9	27	31.4	21	24.4	14	16.3
			59.3%				40.7%		

Setelah dianalisis, didapati bahawa latar belakang keluarga bukanlah faktor utama pelajar terlibat dalam masalah sosial. Berdasarkan Jadual 4.9, hanya 16.3% pelajar yang menjawab setuju bahawa ibu bapa mereka sering melakukan tabiat yang kurang baik di dalam rumah seperti merokok, memaki hamun, mudah marah, berjudi dan sebagainya. Selebihnya iaitu seramai 83.7% pelajar menjawab tidak setuju dengan kenyataan ini. Hal ini menunjukkan ibu bapa pelajar jarang melakukan tabiat yang kurang baik dalam rumah.

Ibu bapa pelajar-pelajar dalam kajian ini juga dilihat mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka kerana seramai 79.1% pelajar tidak bersetuju apabila ibu bapa mereka dikatakan kurang mengambil berat tentang pelajaran mereka. Hanya 20.9% sahaja ibu bapa pelajar yang kurang mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak mereka.

Walaupun anak-anak mereka terlibat dalam masalah sosial, ibu bapa pelajar-pelajar ini didapati mempunyai pegangan agama yang agak tinggi juga. Ini dibuktikan apabila seramai 79.1% pelajar menyatakan tidak setuju apabila ibu bapa mereka dikatakan jarang menunaikan perintah Allah. Akan tetapi, terdapat juga ibu bapa yang kurang menunaikan perintah Allah seperti sembahyang lima waktu iaitu seramai 20.9%.

Seramai 72% pelajar menjawab tidak setuju apabila dikatakan ibu bapa mereka mempunyai pendapatan yang rendah membuatkan mereka jarang memperoleh apa yang mereka kehendaki. Ini menunjukkan pendapatan ibu bapa mereka yang rendah kurang mempengaruhi pelajar-pelajar ini terlibat dalam masalah sosial. Walaupun begitu, seramai 28% pelajar terlibat dalam masalah sosial akibat pendapatan ibu bapa mereka yang rendah.

Ibu bapa pelajar-pelajar dalam kajian ini juga didapati tidak membeza-bezakan anak-anak mereka antara satu sama lain. Ini dibuktikan seramai 60.5% pelajar menjawab tidak setuju apabila dikatakan ibu bapa mereka bersikap pilih kasih terhadap adik beradik mereka. Tetapi seramai 39.5% pelajar bersetuju bahawa ibu bapa mereka selalu bersikap pilih kasih terhadap adik beradik mereka dan disebabkan ini mereka mengambil jalan mudah melakukan perkara-perkara yang tidak elok untuk melepaskan kekecewaan selepas merasakan mereka tidak disayangi oleh ibu bapa mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat juga keadaan ibu bapa yang boleh mempengaruhi anak-anak mereka terlibat dalam masalah sosial. Misalnya, seramai 39.5% pelajar terlibat dalam masalah sosial kerana ibu bapa mereka sering bertengkar antara satu sama lain dan menyebabkan suasana rumah kurang aman. Walaupun peratusan ini tidaklah begitu tinggi, ia haruslah diberi perhatian supaya pelajar-pelajar tidak menjadikan ia sebagai satu alasan untuk melibatkan diri dalam gejala sosial. Selebihnya iaitu seramai 60.5% pelajar tidak setuju ibu bapa mereka sering bertengkar antara satu sama lain dan menyebabkan suasana rumah kurang aman.

Jika diteliti lagi, berdasarkan kepada respon pelajar-pelajar, seramai 40.7% menyatakan penglibatan mereka di dalam masalah sosial ini sedikit sebanyak dipengaruhi oleh sikap ibu bapa yang jarang memberi motivasi dan sokongan serta pujian terhadap perkara yang dilakukan oleh mereka. Sungguhpun begitu, seramai 59.3% berpendapat penglibatan mereka dalam masalah sosial bukanlah disebabkan oleh aspek ini.

Selain itu, ibu bapa yang jarang berada di rumah dan sering sibuk dengan kerja juga mempengaruhi penglibatan pelajar-pelajar dalam masalah sosial. Ini dibuktikan seramai 41.9% pelajar yang bersetuju dengan kenyataan ini. Akan tetapi, seramai 58.1% pelajar yang menjawab

tidak setuju bahawa penglibatan mereka dalam masalah sosial dipengaruhi oleh kesibukan ibu bapa mereka dengan kerja.

Dapatan kajian juga mendapati, terdapat keadaan ibu bapa yang kurang berkomunikasi dengan pelajar tentang keperluan dan masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Seramai 41.9% pelajar yang terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan aspek ini. Walau bagaimanapun, seramai 58.1% pelajar yang tidak bersetuju bahawa aspek ini mendorong mereka terlibat dalam masalah sosial.

Walaupun terdapat keadaan-keadaan ibu bapa yang boleh mempengaruhi pelajar-pelajar terlibat dalam masalah sosial, ibu bapa pelajar-pelajar ini tidaklah terlalu tegas dan mereka agak bertolak ansur dalam memberikan hukuman kepada anak-anak mereka yang melakukan kesalahan. Ini dibuktikan seramai 57% ibu bapa pelajar tidaklah terlalu tegas dalam memberikan hukuman kepada mereka. Tetapi, seramai 43% pelajar mengatakan penglibatan mereka dalam masalah sosial adalah kerana ketegasan ibu bapa mereka dalam memberikan hukuman jika mereka melakukan kesalahan.

Sebagai rumusan, didapati bahawa ibu bapa pelajar-pelajar dalam kajian ini telah menjalankan tugas sebagai ibu bapa dengan agak baik seperti mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak mereka, tidak bersikap pilih kasih antara anak-anak mereka, tidak melakukan tabiat yang kurang baik di dalam rumah dan mereka juga dilihat taat kepada perintah Allah.

Walaupun begitu terdapat juga aspek-aspek yang agak lemah di dalam mendidik anak-anak mereka seperti kurang berkomunikasi dengan anak-anak mereka dan jarang memberi motivasi terhadap perkara-perkara yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Mereka juga jarang berada di rumah kerana sibuk dengan kerja. Tetapi, latar belakang keluarga jelas menunjukkan kurang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam masalah sosial.

8.0 PERBINCANGAN

Apakah faktor latar belakang diri sendiri remaja yang terlibat dengan masalah sosial?

Berdasarkan analisis yang telah dibuat dalam bab IV, didapati faktor utama responden terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan keinginan untuk mencuba sesuatu yang baru yang tidak pernah mereka lakukan. Analisis menunjukkan aspek ini mempunyai peratusan yang agak tinggi berbanding aspek-aspek lain. Penyelidik berpendapat, pada usia remaja, mereka mengalami perubahan dari segi peningkatan usia, pemikiran dan keadaan sekeliling. Ketika melalui proses-proses perkembangan pada keadaan sekeliling, akan wujud perkara-perkara yang tidak pernah mereka lihat atau alami.

Oleh itu, remaja akan mempunyai keinginan untuk mencuba perkara-perkara yang tidak pernah mereka alami. Kajian lepas yang dilakukan oleh Asmak (2006) mengenai salah laku sosial remaja masa kini menunjukkan faktor ingin mencuba juga tinggi iaitu sebanyak 48%. Kajian Asmak selari dengan Zainal dan Sharani (2006) yang menjelaskan, pada peringkat usia remaja, mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Justeru itu, apa-apa sahaja perkara baru yang terjadi di sekeliling mereka akan mendorong wujudnya perasaan ingin tahu di dalam diri mereka. Menurut Zainal dan Sharani juga, keadaan ini membuatkan mereka terdorong untuk mencuba dan melakukan perkara-perkara tersebut. Oleh itu, perasaan ingin tahu yang wujud

dalam diri mereka akan mendorong mereka melakukan apa sahaja tanpa memikirkan baik atau buruknya perkara-perkara tersebut.

Sebilangan besar responden dalam kajian ini adalah remaja yang berumur 17 tahun. Penyelidik berpendapat, responden ketika usia ini berfikiran lebih positif berbanding ketika awal remaja mereka. Mereka akan berusaha mencari sebab yang munasabah bagi setiap persoalan yang mereka lihat, lantas mereka akan melakukan apa sahaja asalkan persoalan yang timbul dalam diri mereka terjawab. Ini dibuktikan apabila Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan, keghairahan mencari sebab musabab baru menyebabkan remaja pada tahap ini suka mencuba perkara-perkara yang baru. Mereka terus mencuba bagi mencari pengalaman baru walaupun mereka terpaksa mengalami kegagalan dan kesukaran.

Menurut Arieff dan Wardah lagi, situasi ini adalah suatu keadaan yang baik apabila mereka mengarahkan sifat ini lebih positif. Akan tetapi, kajian mendapati responden lebih menggunakan sifat ini kepada perkara yang merugikan iaitu mencuba perkara-perkara yang tidak elok untuk mengetahui sebab musababnya. Dapatan kajian juga mendapati, responden terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan aspek inginkan kebebasan dalam setiap perkara yang mereka lakukan. Faktor ini juga menunjukkan peratusan yang tinggi.

Penyelidik berpendapat, ketika usia remaja, mereka akan mula merasakan apa yang mereka lakukan adalah betul dan mereka tidak mahu dikongkong dalam setiap perkara yang mereka lakukan supaya keinginan mereka dapat dicapai. Ketika ini, mereka akan mula melalui peringkat perkembangan kematangan dari segi mental, sosial, intelektual dan emosi. Dapatan kajian ini disokong oleh Suzana (2002) yang menyatakan pada usia remaja, mereka mula mempunyai keinginan kebebasan dalam pelbagai perkara dan pada masa yang sama juga, mereka mengalami perkembangan fizikal dan mental yang cepat.

Dapatan kajian ini dapat dikukuhkan lagi dengan Noraini (2000) yang menyatakan remaja memerlukan kebebasan dalam membuat keputusan yang dapat memenuhi citarasa mereka. Selain aspek keinginan mencuba sesuatu yang baru dan keinginan kebebasan dalam setiap perkara yang dilakukan, responden terlibat dalam masalah sosial adalah kerana mereka inginkan perhatian dalam setiap perkara yang dilakukan. Aspek ini juga menunjukkan peratusan yang tinggi. Penyelidik berpendapat, umumnya remaja mempunyai jiwa yang sensitif. Mereka sentiasa ingin dibelai dan diberi perhatian dalam setiap perkara yang dilakukan walaupun kadangkala ibu bapa merasakan perkara tersebut adalah sesuatu yang biasa dan remeh.

Dapatan kajian ini dapat dikukuhkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Shamsaad dan Abdullah (2006) yang menyatakan bahawa remaja akan kerap melakukan kelakuan yang boleh menarik perhatian ibu bapa atau ahli keluarga. Hal ini kerana, menurut Shamsaad dan Abdullah, semasa kanak-kanak, remaja mendapat perhatian yang lebih daripada ibu bapa. Tetapi, apabila mereka memasuki alam remaja perhatian dan layanan yang lebih akan berkurangan dan ini menyebabkan remaja mula rasa terpinggir atau tidak dipedulikan. Hasil kajian juga menunjukkan responden terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan perasaan dalaman diri iaitu seringkali marah dan tidak puas hati apabila kehendak mereka dihalang.

Penyelidik berpendapat, aspek ini banyak dipengaruhi oleh tekanan yang wujud dalam diri mereka. Dapatan kajian ini dapat dikukuhkan lagi dengan kenyataan Suzana (2002), tekanan semasa akil baligh berlaku disebabkan perubahan fizikal dan fisiologi. Antara tekanan-tekanan

tersebut ialah mudah marah dan emosional. Pendapat Suzana dilihat selari dengan Azizi dan Rosnah (2007) yang menjelaskan remaja yang menghadapi tekanan akan melakukan tindakan yang diluar kawalan lantaran ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, ingin membalas dendam dan sebagainya.

Selain itu, responden terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan responden selalu berada dalam gangguan emosi. Dapatan kajian ini disokong dengan Zainal dan Sharani (2006) yang menyatakan remaja terdorong untuk melakukan tingkah laku anti sosial akibat daripada kemurungan dan kebimbangan yang lebih dipengaruhi oleh faktor kekurangan psikologikal. Arieff dan Wardah (2006) juga menyatakan perlakuan remaja digambarkan sebagai perlakuan emosi. Perasaan kadangkala lebih berpengaruh daripada fikiran. Suka duka kehidupan akan membentuk perlakuan remaja itu sendiri.

Kajian ini juga membuktikan bahawa penglibatan remaja dalam masalah sosial adalah disebabkan kurangnya amalan kerohanian seperti menunaikan solat. Penyelidik berpendapat, pelajar mempunyai asas agama yang lemah dan pemahaman betapa pentingnya nilai-nilai kerohanian juga lemah. Kajian Azhar dan Ab. Halim (2005) juga menunjukkan hanya sekitar 16% pelajar sahaja yang menunaikan ibadah solat lima waktu sehari semalam. Arieff dan Wardah (2006) juga menyatakan kemantapan agama berlaku agak lewat dalam diri remaja iaitu di antara umur 23 dan 24 tahun. Justeru itu ketika usia remaja, mereka tidak mengambil berat terhadap tuntutan agama yang wajib dipenuhi.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai matlamat hidup yang tinggi walaupun terlibat dalam masalah sosial. Penyelidik berpendapat, walaupun mereka mempunyai matlamat hidup, mereka belum mampu berfikir dengan lebih matang bagaimana caranya untuk mencapai matlamat yang mereka inginkan. Pada usia remaja ini, kekuatan kognitif mereka agak terbatas. Arieff dan Wardah (2006) menyatakan remaja tidak mempunyai keupayaan yang tinggi dalam meneliti sesuatu perkara atau masalah. Pengalaman kefahaman terhadap kehidupan mereka masih lagi terbatas dan apa yang difikirkan oleh remaja hanyalah pada masa sekarang sahaja.

Apakah faktor latar belakang keluarga remaja yang terlibat dalam masalah sosial?

Dapatan kajian ini gagal menunjukkan pengaruh latar belakang keluarga terhadap penglibatan pelajar dalam masalah sosial. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan keluarga bukanlah faktor penting pelajar terlibat dalam masalah sosial.

Walau bagaimanapun, jika diteliti, berdasarkan kepada respon di dalam kajian ini, terdapat juga keadaan ibu bapa yang kurang menitikberatkan aspek-aspek tertentu di dalam mendidik anak-anak mereka. Misalnya, ibu bapa dikatakan tegas dalam memberikan hukuman kepada anak-anak mereka. Walaupun aspek ini berada di tahap yang rendah, penyelidik berpendapat, remaja akan bertindak negatif jika disiplin ibu bapa ketat. Ini kerana ibu bapa yang lebih bersifat autokratik akan menjadikan jiwa remaja memberontak. Pendapat penyelidik ini disokong oleh Zainal dan Sharani (2004) yang menjelaskan kesan daripada kaedah pengawalan autokratik akan menghasilkan gabungan antara pemberontakan dan pergantungan. Kajian Bronstein (1994) juga menunjukkan ibu bapa yang mesra dan menyokong akan memberi kesan

terhadap tingkah laku positif di kalangan anak-anak, manakala jenis ibu bapa yang suka menghukum akan memberi kesan terhadap tingkah laku negatif di kalangan anak-anak.

Ibu bapa pelajar dalam kajian ini juga dilihat jarang berada di rumah dan sering sibuk dengan kerja. Keadaan ini akan menyebabkan anak-anak bosan untuk berada di rumah. Mereka akan lebih gemar untuk bersama dengan rakan-rakan mereka bagi mengisi kekosongan. Keberangskalian untuk mereka melakukan perkara-perkara yang tidak elok boleh wujud kerana kurangnya pengawasan dari ibu bapa. Pendapat penyelidik ini selari dengan Arieff dan Wardah (2006) yang menjelaskan ibu bapa yang sibuk dengan kerja boleh menyebabkan hubungan antara anak dengan ibu bapa renggang. Apabila anak-anak pulang dari sekolah, ibu bapa tiada di rumah. Oleh itu, remaja lebih suka menghabiskan masa bersama rakan-rakan sebelum pulang ke rumah.

Apabila ibu bapa jarang berada di rumah, keadaan ini akan menyebabkan kurangnya komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak mereka tentang keperluan dan masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Walaupun dapatan kajian menunjukkan aspek ini berada ditahap yang sederhana, penyelidik berpendapat hubungan interaksi yang lemah antara ibu bapa dan anak akan menyebabkan remaja hilang tempat mengadu dan bergantung. Remaja akan merasakan ibu bapa tidak mengambil berat tentang keperluan mereka terutamanya dari segi psikologikal. Dapatan kajian di sokong oleh kajian Barnes dan Olson (1985) yang mendapati komunikasi yang baik antara ibu bapa dan remaja akan menyebabkan hubungan keluarga semakin rapat, wujud kasih sayang dan proses penyelesaian masalah akan berlaku dengan mudah. Jackson, et al. (1998) juga menjelaskan komunikasi yang tidak berkesan akan mendatangkan kesan yang negatif terhadap keluarga dan tingkah laku anak-anak.

Walaupun dapatan kajian menunjukkan ibu bapa pelajar taat dalam menunaikan perintah Allah dan mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka, mereka didapati jarang memberi motivasi dan sokongan serta pujian terhadap perkara yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Kata-kata peneguhan seperti pujian yang jarang diberikan kepada anak-anak akan membuatkan remaja merasakan diri mereka tidak mempunyai kelebihan dan perkara yang mereka lakukan tidak bermakna. Suzana (2002) menyatakan remaja didapati mahukan sokongan dalaman seperti galakan, penghargaan, kepercayaan dan kasih sayang. Sokongan luaran seperti peluk, makan bersama-sama, bercuti juga diperlukan oleh remaja. Kurangnya sokongan-sokongan ini boleh mempengaruhi remaja untuk melakukan perkara-perkara yang tidak sewajarnya.

Ibu bapa pelajar-pelajar ini juga jarang melakukan tabiat yang kurang baik di dalam rumah, tetapi mereka dilihat sering bertengkar walaupun tidak kerap dan ini menyebabkan suasana rumah kurang aman. Peratusan aspek ini juga berada ditahap yang rendah, tetapi penyelidik berpendapat, pentenggaran yang berlaku di rumah boleh mendorong remaja melibatkan diri dalam masalah sosial dengan lebih serius jika ibu bapa sering bertengkar. Ini kerana remaja akan bosan, tertekan dan tidak suka berada di rumah. Dapatan kajian ini selari dengan Arieff dan Wardah (2006) yang menjelaskan tiada persefahaman antara ibu bapa akan menyebabkan konflik berlaku dan mereka akan saling bertengkar dan bergaduh. Keadaan rumah yang tidak aman seperti ini akan memberikan kesan yang negatif kepada jiwa remaja. Mereka akan merasa tertekan dan menjauhkan diri daripada ibu bapanya. Sehingga ada yang lari dari rumah untuk mencari kedamaian dan ketenangan.

Akhir sekali, dapatan kajian juga mendapati ibu bapa pelajar-pelajar tidak membezakan anak-anak mereka. Mereka juga mempunyai pendapatan yang tidak terlalu rendah (sederhana) dan keadaan ini tidak memberi kesan yang besar kepada remaja untuk terlibat dalam gejala sosial.

9.0 KESIMPULAN

Masalah sosial yang melanda remaja pada masa kini dipengaruhi beberapa faktor. Dalam kajian ini, empat faktor diambil kira dalam mendapatkan dapatan kajian. Faktor tersebut adalah faktor diri sendiri, faktor latar belakang keluarga, bentuk pengaruh rakan sebaya dan permasalahan yang wujud di persekitaran sekolah. Dapatan kajian menunjukkan faktor diri sendiri paling mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial berbanding faktor-faktor lain.

Justeru itu semua pihak haruslah bekerjasama untuk menghapuskan masalah sosial yang semakin meruncing ini. Remaja pada masa kini seharusnya lebih kuat dan mempunyai jati diri yang mantap supaya dapat mengawal diri dari gejala-gejala sosial. Sesungguhnya, remaja yang unggul dan berkualiti adalah remaja yang dapat membangunkan negara supaya lebih setanding dan maju dengan negara-negara lain.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid (2006). *Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja Dalam Keluarga*. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan (2006). *Krisis & Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin dan Jamaludin Tubah (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Zakaria, Faizah Yunus dan Siti Hajar Abu Bakar Ah (2000). *Laporan Kajian Tingkah Laku Remaja Johor Mei 1999-Februari 2000*. Universiti Malaya: Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial.
- Arieff Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar (2006). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmak Haji Ali (2006). *Salah Laku Remaja Masa Kini: Cabaran dan Penyelesaiannya*. UITM Shah Alam: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya dan Rosnah Buang (2007). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.

- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azhar Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2005). *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Bandura, A. (1977). *Self-Efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change*. *Psychological Review*. 84. 191-215.
- Barnes, H. L. and Olson, D. H. (1985). *Parent-Adolescent Communication and the Circumplex Model*. *Child Development*. 56. 438-447.
- Bronstein, P. (1994). *Patterns of Parent-Child Interaction in Mexican Families: A Cross Cultural Perspective*. *Behavioral Development*. 17(3). 423-469.
- Calhoun, G., Jurgens, J. and Chen, F. (1993). *Juvenile Delinquency: Trends, Problems and Causes*. Seminar Delinkuensi Juvana. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Cohen, A. K. (1975). *Delinquent Boys*. New York: The Free Press.
- Coleman, J. W. and Cressey, R. D. (1993). *Sosial Problem, 5th. Ed.* Harper Collins.
- Condry, J. C., Simon, K. L. and Bronfrenbrenner, U. (1968). *Characteristics of Peer-and Adult-Oriented Children*. Unpublished Manuscript, Cornell University, Ithaca, New York.
- Douvan, E. and Gold, M. (1966). *Model Patterns in American Adolescence*. In L. M. Hoffmann (Ed.), *Review of Child Development Research* (Vol. 2). New York: Russell Sage Foundation.
- Ee, Ah Meng (2002). *Psikologi Pendidikan III*. Edisi ke-3. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Elkind, D. (1967). *Egocentrism in Adolescence*. *Child Development*. 38. 1025-1034.
- Erikson, E. (1959). *Identity and The Life Cycle*. *Psychological Issues*. 1. 18-164.
- Fatanah Mohamed. (1997). *Kajian Terhadap Masalah Peribadi Pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Tidak Berasrama Penuh di Pengkalan Chepa*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.
- Fatimah Yusoff (2006). *Gejala Sosial Remaja-Pandangan Dr Fatimah Yusuf (Cahaya Oktober)*. Tidak dicetak.
- Goldenberg, I. and Goldenberg, H. (1991). *Family Therapy: An Overview*. Edisi ke-3. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
- Hall, G. S. (1904). *Adolescence: Its Psychology and Its Relations to Physiology, Anthropology, Sociology, Sex, Crime, Religion and Education* (2 Vols.). New York: Appleton-Century-Crofts.
- Hamidah Ab. Rahman, Sabariah Din, Mohd Taib Dora, Ajmain Safar, Hamdan Abd. Kadir dan Puteri Khairul Bariah Mohd Mansur. (2006). *Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga Dan Penceraian: Kajian Kes Di Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia.
- Hamzah Md Rus. (2002). *Kesan Gejala Sosial Masa Kini Terhadap Keselamatan Negara dan Pencegahan Melalui Penguatkuasaan Undang-undang*. Seminar Menangani Gejala Sosial Peringkat Kebangsaan. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Haslina Hassan (2000). *Gejala Gengsterisme Di Kalangan Pelajar. Fenomena yang Semakin Meresahkan*. *Dewan Masyarakat* (Jun). 14-27.

- Hoffman, L. (1996). *Progress and Problems in The Study of Adolescence*. *Developmental Psychology*. 32. 777-780.
- Ismail Ibrahim (19 Februari 1997). *Mencari Formula Mengekang Hedonisme*. *Berita Harian*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2004). *Kes Juvana Mengikut Negeri, 2000-2004*. Tidak dicetak.
- Jackson, S., Bijstra, J., Oostra, L. and Bosma, H. (1998). *Adolescents' Perceptions of Communication with Parents Relative to Specific Aspects of Relationships with Parents and Personal Development*. *Adolescence*. 21(3). 305-322.
- Jas Laile Suzana Jaafar (2002). *Psikologi Remaja*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majalah Remaja. (2003). *Remaja Makin Ganas*. Selangor: Karangraf. Bil. 399
- Khulen, R. G. (1982). *Age Psychology Adolescent Development*. New York: Harper and Row Publisher.
- Kohlberg, L. (1969). *Stage and Sequence: the Cognitive-Developmental Approach to Socialization*. In D. A. Goslin (Ed.), *Handbook of Socialization Theory of Research*. Chicago: Rand McNally.
- Kruttschnitt, C., Health. L. and Ward. D. A. (1986). *Family Violence, Television Viewing Habit and Adolescent Experiences Related to Violent Criminal Behavior*. *Criminology*. 24. 235-268.
- Mahmood Nazar Mohamed (1993). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Malek Bennabi. (1998). *On the Origins of Human Society*. Terjemahan oleh Mohamed.
- Manja Mohd Ludin (1990). *Psikologi Sosiologi Dan Falsafah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mannes, M., Roehlkepartain, E. C. and Benson, P. L. (2005). *Unleashing The Power of Community To Strengthen The Well-Being of Children, Youth and Families: An Asset-Building Approach*. *Child Welfare League of America*. 84 (2). 33-250.
- Maura O' Keefe (1995). *Predictors of Childs Abuse in Maritally Violent Family*. *Interpersonal Violence*. 10(1). 3-21.
- Mazlan (2008). *Punca-Punca dan Cara-Cara Mengatasi Masalah Disiplin Pelajar*. Tidak dicetak.
- Medrich, E. A., Rosen, J., Rubin, V. and Buckley, S. (1982). *The Serious Business of Growing Up*. Berkeley: University of California Press.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Montemayor, R. and Hanson, E. (1985). *A Naturalistic View OF Conflict Between Adolescents and Their Parents and Siblings*. *Early Adolescence*. 5(1). 23-30.
- Mohd Salleh Lebar (2007). *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah & Pendidikan*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. (1992). *Akhlaq Dan Tasawuf*. Selangor: Yayasan Salman.
- Najati, Muhammad Uthman. (1993). *Al-Hadith al-Nabawiy wa 'Ilmu al-Nafs*. Beirut: Dar al-Syuruq.

- Noor Adiah Mohamad Nor. (1998). *Satu Kajian Kes Tentang Masalah Remaja Sekolah Dan Kaitannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Noraini Ahmad (2000). *Kaunseling Remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distridutors Sdn. Bhd.
- Noran Fauziah (1986). *Fungsi Sekolah dalam Masyarakat*. Dewan Masyarakat (Februari). 53-54.
- Norhayati Suaidi. (1994). *Persekitaran Fizikal, Penglibatan Ibumama Dan Pencapaian Akademik Kanak-Kanak Di Rumah Pangsa*. Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Piaget, J. (1972). *Intellectual Evolution From Adolescence to Adulthood*. Human Development. 15. 1012.
- Raman, V. (2003). *Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Punca Dan Penyelesaiannya*. Tidak dicetak.
- Ramli Shafie (2003). *Remaja Dan Tuntutan Masa Hadapan: Ceramah Kenegaraan dan Pembangunan Mutakhir Malaysia*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- Razali Mohammad (2004). *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik dan Tingkah Laku Kenakalan Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Rohayati Derani (2004). *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan Di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Romzi Ismail (2006). *Penglibatan Remaja Dalam Perlumbaan Motosikal Haram: Peranan Keluarga dan Masyarakat Dalam Menangani Gejala Ini*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia.
- Saudah Sofian (1999). *Keberkesanan Pengurusan Kewangan Di Kalangan Industri Kecil & Sederhana Bumiputera di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Jabatan Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Tidak diterbitkan.
- Shamsaadal Sholeh dan Abdullah Sulaiman (2006). *Konflik Remaja Masa Kini Dan Cabaran Menanganinya*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Vuchinich, S. (1992). *Parenting, Peers and The Stability of Antisocial Behaviour in Preadolescent Boys*. Developmental Psychology. 28. 510-521.
- Walker, L. (1986). *Experiential and Cognitive Sources of Moral Development in Adulthood*. Human Development. 29. 113-124.
- Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.